

22

MENJANA MINAT PELAJAR TERHADAP SASTERA MELALUI PROGRAM BUNGA-BUNGA SASTERA

Khairunisak Hussain, Muszalifa Aman & Rashidah Abdullah
Sekolah Menengah Marsiling

ABSTRAK

Kertas ini akan membentangkan keberkesanan Program Bunga-bunga Sastera (BBS) yang telah dijalankan di Sekolah Menengah Marsiling. BBS merupakan suatu wadah yang mendedahkan pelajar kepada sastera dalam usaha guru memantapkan penguasaan bahasa Melayu (BM) pelajar serta keupayaan mereka bertutur dengan berkesan. Berdasarkan perbincangan serta tinjauan yang dijalankan oleh guru, pelajar didapati tiada ketrampilan berbahasa, malah menghadapi kesukaran untuk bertutur dalam BM dengan baik. Pelajar juga kurang berupaya menyampaikan pendapat mereka dengan bernas. Selain itu, pelajar tidak teruja untuk membaca bahan-bahan dalam BM, apatah lagi untuk membaca bahan sastera di luar masa kurikulum. Program BBS merupakan eksperimen guru untuk memupuk minat sukakan bahan sastera seperti cerpen dalam kalangan pelajar. Pelbagai kaedah pengajaran digunakan oleh guru dalam menyuntik minat pelajar. Maklum balas daripada pelajar menunjukkan bahawa mereka kini lebih menyedari dan mengetahui tentang ciri-ciri yang wujud dalam budaya kontemporari Melayu termasuk *welthanschauung* mereka. Pelajar lebih mengenali diri mereka dan dapat memainkan peranan yang lebih proaktif terhadap keluarga, masyarakat dan negara.

Pengenalan

Program Bunga-bunga Sastera (BBS) telah dijalankan di Sekolah Menengah Marsiling sebagai suatu usaha guru untuk mewujudkan minat serta memperkenalkan kepada pelajar bahan bacaan di alam Melayu. Sejak program ini mula diperkenalkan dalam tahun 2010, beberapa pengubahsuaian telah dilakukan oleh unit BM bagi memastikan keberkesanan serta kelicinan program. Dengan dana *Coyote* (MOE) sebanyak \$1000, unit BM telah

mendapatkan teks *Anak Bumi Tercinta* dan *Anak Laut* serta bahan-bahan lain yang dirasakan perlu bagi menampung keperluan program ini.

Matlamat program ini, selain sebagai pemangkin bagi menarik minat pelajar agar meminati dan menghayati bahasa dan budaya Melayu melalui sastera, adalah untuk memupuk dan mengasah kemahiran lisan pelajar dalam BM. Secara tidak langsung, program BBS ini menjadikan pelajar lebih berani mengetengahkan pelbagai soalan dan persoalan, menganalisis, mencerakin pendapat serta emosi mereka berdasarkan watak atau cerita yang mereka baca dan bincangkan. Dalam program ini, pelajar menengah Dua Ekspres dan Dua Normal Akademik membaca cerpen 'Budi yang Tak Terbeli' oleh Khadijah Hashim dan 'Hikayat Mat Jenin' karya Mohd Ismail Sarbini. Pelbagai aktiviti telah diadakan selama sepeggal program ini dijalankan. Pelajar telah terlibat secara aktif dalam perbincangan naratif, aktiviti Kerusi Panas (Hot Seat), menghasilkan dialog, menghadiri sesi membuat boneka anjuran unit BM serta menghasilkan pakej persembahan untuk Minggu Bahasa dan Budaya dalam Minggu 10.

Kajian Lepas

Hadijah Rahmat (1997) menjelaskan bahawa bahan sastera dapat membentuk insan yang berpengetahuan yang menyumbang kepada masyarakat. Hadijah Rahmat dalam kertas kerja beliau '*Mutiara pada Telinga Budi, Permata pada Cincin Hati*' (1997), menekankan bahawa bahan bacaan atau bahan sastera dari genre tradisional mahupun moden boleh dijadikan bahan pengajaran dalam membentuk keperibadian pelajar.

Kajian Maridah Hj Alias (2005) mendapati bahawa unsur-unsur yang membentuk struktur penceritaan dalam bahan sastera memberi hiburan dan pengajaran kepada pelajar. Selain itu, melalui pembacaan bahan tersebut, guru dapat memupuk minat membaca, membina nilai moral positif pelajar dan memupuk semangat kewarganegaraan dalam kalangan pelajar.

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Data kuantitatif diperolehi daripada markah tugas pelajar sementara maklum balas guru menjadi landasan data kualitatif.

Subjek Kajian

Kelas-kelas yang terlibat dalam projek ini adalah seperti yang berikut:

Menengah 2 Eskpres:

Kelas	Bilangan pelajar
2M1	18
2M2	16
2M3	16
2M4	9


Menengah 2 Normal Akademik:

Kelas	Bilangan pelajar
2S1	18
2S2	20


Profil Pelajar Menengah 2 Ekspres

Pelajar Menengah 2 Ekspres mempunyai kebolehan bertutur yang rencam. Jarak keupayaan antara yang lemah dengan yang lebih mahir dalam BM amat ketara disebabkan beberapa faktor. Antaranya termasuklah kecenderungan pelajar untuk bertutur dan berfikir dalam bahasa Inggeris (BI). Oleh itu, sudah menjadi kebiasaan bagi mereka untuk menterjemahkan istilah BI secara langsung kepada BM yang boleh menimbulkan kegenjotan dalam makna dan struktur ayat yang dituturkan mereka. Namun, pelajar dalam kursus Eskpres pada tahun ini bermotivasi untuk melengkapkan tugas dengan baik kerana mereka saling bersaing antara satu sama lain. Secara keseluruhan, pelajar mempunyai semangat kental untuk mempelajari perkara yang baharu. Hal ini memudahkan guru untuk menjalankan pengajaran BM dengan menerapkan BBS.


Tiga rajah di bawah ini menunjukkan tahap minat pelajar Menengah 2 Ekspres dalam membaca karya-karya dalam BM.



Rajah 1: Peratusan Pelajar Ekspres Membaca Novel




Rajah 2: Jenis Bacaan Bahasa Melayu




Rajah 3: Kekerapan Membaca Bahan Bacaan Bahasa Melayu

Profil Pelajar Menengah 2 Normal Akademik


Pelajar Menengah 2 Normal Akademik terdiri daripada pelajar yang memerlukan banyak dorongan daripada guru agar dapat membantu memantapkan lagi penguasaan BM mereka lebih-lebih lagi dari segi pertuturan. Guru perlu menekankan pentingnya bagi setiap pelajar untuk mempunyai sikap positif dalam pembelajaran BM demi mempertingkatkan prestasi mereka. Ada pula pelajar yang sudah terbiasa dengan pemikiran bahawa mereka tidak perlu berusaha untuk memantapkan lagi penguasaan BM memandangkan mereka sering bertutur dalam BM setiap hari. Oleh itu, mereka mempunyai sikap sambil lewa semasa pembelajaran. Yang berikut pula merupakan rajah yang menunjukkan tahap minat pelajar Menengah 2 Normal Akademik dalam membaca karya-karya BM.



Rajah 4: Peratusan Pelajar Normal Akademik Membaca Novel



Rajah 5: Jenis Bacaan Bahasa Melayu



Rajah 6: Kekerapan Membaca Bahan Bacaan Bahasa Melayu

Pelaksanaan

Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan berdasarkan keupayaan. Keenam-enam kelas telah diberikan pelbagai kertas kerja serta dua penilaian alternatif untuk menguji pemahaman mereka berkenaan pembelajaran sastera sekaligus kebolehan bertutur dalam BM dengan menyampaikan isi yang bernas lagi teratur.

Pelajar diberikan dua penilaian alternatif, iaitu melalui strategi *Hot Seat* dan Persembahan Patung. Penilaian *Hot Seat* merupakan tugas individu yang memerlukan setiap pelajar menjiwai dan menghayati sesuatu watak daripada cerpen yang telah dibaca. Strategi ini merupakan salah sebuah cara yang tidak formal bagi menilai pemahaman pelajar mengenai sesuatu yang sudah dibaca atau sedang dibaca oleh mereka.

Seorang pelajar akan diminta untuk ke hadapan kelas bagi membuat aktiviti *Hot Seat* ini. Pelajar yang lain akan menanyakan tiga buah soalan berdasarkan watak tersebut dari segi sikap, perbuatan, perasaan dan sebagainya. Kemudian, guru pula akan mengajukan tiga buah soalan kepada pelajar itu berkenaan wataknya. Penilaian ini berkesan kerana guru dapat menilai pemahaman pelajar daripada jawapan yang diberikan sama ada pelajar itu dapat menghayati watak dalam cerpen atau tidak.

Selain itu, penilaian alternatif kedua pula berbentuk sebuah tugas berkumpulan. Pelajar membuat persembahan patung berdasarkan sebuah situasi dalam cerpen. Guru dapat menilai pemahaman pelajar daripada penyampaian pelajar.

Melalui kedua-dua penilaian yang dijalankan, pelajar dikehendaki bertutur dan menyampaikan pendapat serta bertutur di hadapan kelas berkenaan cerpen yang dipelajari. Skema pemarkahan dan rubrik yang standard telah digunakan untuk memarkahi tugas pelajar baik untuk Penilaian *Hot Seat* mahupun Persembahan Patung. Markah diberikan berdasarkan isi yang relevan dan kreativiti pelajar semasa menjawab soalan bagi Penilaian *Hot Seat* dan penyampaian cerita menerusi Persembahan Patung. Markah yang diberikan adalah seperti yang berikut: 20 markah untuk isi dan 20 markah untuk kreativiti.

Instrumen Kajian

Selain penilaian alternatif, beberapa kaedah pengajaran telah dijalankan. Antaranya termasuklah penggunaan klip video yang mengandungi tema serupa dengan cerpen-cerpen yang digunakan untuk pembelajaran BBS. Bagi pelajar Menengah 2 Eskpres yang membaca cerpen 'Budi Yang Tak Terbeli', mereka telah menonton klip video yang berjudul 'Si Tanggang' kerana cerpen tersebut menyentuh nilai hormat-menghormati antara seorang anak menantu terhadap ibu mertuanya. Bagi pelajar kursus Menengah 2 Normal Akademik yang membaca cerpen 'Hikayat Mat Jenin' pula, pelajar telah menonton klip video 'Hendak Seribu Daya' yang sama temanya, iaitu tidak mudah berputus asa dan berusaha dengan gigih untuk mencapai kejayaan dalam hidup.

Tambahan pula, pelajar diberikan penyusun grafik bagi pembelajaran tema, watak dan perwatakan, pengajaran, persoalan, plot serta latar cerita. Bagi aktiviti ini, pelajar dapat menyusun isi dengan kemas dalam penyusun grafik yang disediakan oleh guru. Bagi pembelajaran tema, watak dan perwatakan, persoalan dan lain-lain, guru telah menggunakan slaid *Powerpoint* bagi memastikan pemahaman pelajar kukuh.

Bagi aktiviti menulis pula, pelajar dikehendaki menulis dialog bagi persembahan patung yang akan dipersembahkan mereka dalam Minggu 10. Pelajar juga telah diminta menulis sebuah karangan deskriptif yang menggambarkan pengalaman, perasaan dan pengajaran yang ditimba daripada pembelajaran sastera.

Selepas kaedah-kaedah pengajaran dijalankan, guru mengendalikan pula penilaian alternatif untuk menguji pemahaman pelajar serta kebolehan mereka bertutur dengan menyampaikan isi secara berstruktur. Sebuah

pertandingan membina patung antara kelas-kelas Menengah 2 Ekspres dan Normal Akademik telah dianjurkan oleh Unit Bahasa Melayu Sekolah Menengah Marsiling untuk menyemarakkan lagi semangat dan minat pelajar terhadap sastera Melayu.

Pemenang daripada kursus Menengah 2 Ekspres dan Normal Akademik telah diwawancara untuk mendapatkan maklum balas mengenai penerapan sastera dalam pembelajaran BM. Wawancara tersebut memberikan gambaran mengenai pendapat dan perasaan pelajar terhadap keberkesanan sastera untuk mempertingkatkan kemahiran bertutur dalam BM. Pelajar telah memberikan respons yang positif kerana mereka kini bertambah yakin untuk menyampaikan pendapat di khalayak ramai. Selain itu, mereka terdorong dan berminat untuk membaca cerpen yang lain untuk mengamati tema, plot, watak dan perwatakan seperti mana yang telah diajar melalui penerapan sastera dalam BM.

Pelajar telah diberikan dua tinjauan iaitu pratinjauan dan pascatinjauan untuk mencungkil pendapat pelajar tentang keberkesanan program BBS.

Selain itu, markah bagi kedua-dua penilaian alternatif iaitu *Hot Seat* dan Persembahan Patung telah digambarkan dalam sebuah rajah bagi memantau kelakonan pelajar sekaligus keberkesanan program BBS dalam memantapkan kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar Menengah 2 Ekspres dan Normal Akademik.

Di samping itu, pelajar juga telah diberikan kajian pada akhir Program BBS untuk menentukan sama ada mereka lebih sedar dan memahami nilai murni yang boleh diraih melalui kedua-dua cerpen yang dipelajari mereka. Contoh-contoh nilai yang dimaksudkan adalah seperti hormat-menghormati, tidak mudah berputus asa, cekal hati tatkala mengharungi sebarang cabaran dalam hidup dan kasih sayang antara ahli keluarga. Tambahan pula, nilai-nilai tersebut sejajar dengan nilai asas Sekolah Menengah Marsiling.

Dapatan Kajian

Berdasarkan pascatinjauan yang telah dijalankan, terdapat perubahan pendapat dalam kalangan pelajar mengenai karya-karya sastera secara keseluruhan dengan pemupukan program BBS ini. Setelah melalui program berstruktur selama sepuluh minggu, pelajar didapati teruja dan terdorong untuk membaca karya sastera selain daripada membaca buku teks di sekolah.

Walaupun mereka dikehendaki membaca sebuah cerpen sahaja daripada buku yang disediakan, mereka mengambil inisiatif untuk membaca cerpen-cerpen lain yang terdapat dalam buku tersebut. Minat pelajar jelas kelihatan menerusi mutu tugas yang dilengkapkan mereka semasa Program BBS. Guru yang terlibat dalam mengendalikan program ini memberikan maklum balas yang positif mengenai mutu tugas pelajar. Selain itu, pelajar juga memberikan respons secara aktif dalam perbincangan yang diadakan.

Guru berpendapat bahawa program ini merupakan suatu wadah yang berkesan bagi memupuk rasa cinta terhadap sastera Melayu sekaligus membangkitkan kesedaran mengenai kesusasteraan Melayu. Pemerhatian yang lain termasuklah keghairahan pelajar semasa membuat tugas berkumpulan yang mereka memaparkan semangat kumpulan untuk bekerjasama agar projek yang diusahakan mereka itu bermutu tinggi.

Di samping itu, semasa pelajar membuat penyampaian lisan pula, mereka menunjukkan usaha untuk menggunakan sebutan baku dengan ayat-ayat yang berstruktur lagi gramatis. Bagi pelajar yang biasanya segan bertanya atau menyumbang-sarankan idea, kini, mereka lebih terdorong untuk bertutur di hadapan pelajar yang lain.

Menurut pelajar, dengan adanya pertandingan antara kelas, mereka menjadi lebih ghairah dan terdorong untuk menghasilkan projek yang terbaik kerana setiap kumpulan ingin mewakili kelas mereka dalam peringkat akhir.

Guru yang mengajar menengah dua mendapati bahawa markah yang diperoleh oleh pelajar bagi Penilaian *Hot Seat* dan Penyampaian Patung baik dan memuaskan. Hal ini adalah kerana guru boleh melihat kesungguhan pelajar dalam menepati kriteria pemarkahan terutama sekali bagi Penilaian *Hot Seat*. Pelajar berupaya mengusulkan soalan-soalan kreatif untuk ditanya kepada pelajar yang berada di kerusi panas. Bagi pelajar yang berada di kerusi panas pula, ternyata mereka berkebolehan untuk memberikan jawapan yang kreatif dan mengagumkan serta penghayatan mereka terhadap watak-watak dalam cerpen jelas kelihatan. Oleh itu, guru berpendapat bahawa penilaian ini amat berkesan untuk mencungkil potensi pelajar dari segi teknik penyoalan dan kebolehan untuk memberikan jawapan.

100% pelajar menyatakan mereka lebih sedar dan memahami nilai-nilai murni daripada cerpen-cerpen yang dibaca.

Kesimpulan

Guru berpendapat bahawa program ini berjaya mencungkil kebolehan pelajar untuk memberikan jawapan yang kreatif dan menghayati watak-watak dalam cerpen yang telah dibaca oleh mereka. Selain itu, guru juga berpendapat bahawa penilaian yang telah dijalankan amat berkesan kerana dapat menilai kebolehan pelajar menjawab soalan dengan menggunakan teknik penyoalan yang sesuai. Program ini juga merupakan suatu wadah yang berkesan bagi memupuk rasa cinta terhadap sastera Melayu sekaligus membangkitkan kesedaran mengenai kesusasteraan Melayu.

Rujukan

- Hadijah Rahmat. (1997). *Mutiara pada Telinga Budi, Permata pada Cincin Hati* disampaikan di Theatrette, Environment Building, Singapura.
- Khadijah Hashim. (1971). Budi yang Tak Terbeli dalam *Anak Laut, Antologi Kesusasteraan Melayu Sekolah Menengah* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maridah Hj Alias. (2005). *Kesesuaian Novel Komponen Sastera dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu*, tesis bagi memenuhi keperluan untuk ijazah doktor falsafah, Universiti Putera Malaysia.
- Mohd Ismail Sarbini. (1996). Hikayat Mat Jenin dalam *Anak Bumi Tercinta, Antologi Komponen Sastera dalam bahasa Melayu* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Moreillon, Judi. (2007). *Collaborative Strategies for Teaching: Reading Comprehension. Maximizing Your Impact*. American Library Association.
- Zwiers, Jeff. (2004). *Building Reading Comprehension Habits in Grades 6-12* International Reading Association.
- <http://www.articlesbase.com/k-12-education-articles/accessing-background-knowledge-489364.html>.
- <http://www.ericdigests.org/pre-9219/prior.htm>.
- <http://departments.weber.edu/teachall/reading/prereading.html>.
- <http://www.learningpt.org/literacy/adolescent/strategies/hotseat.php>.